

"Namun, jurulatih pasukan ketika itu Allahyarham Wak Hosni Ahmad dan Allahyarham Wak Hussin Kaslan cuba mengurut tetapi ia menambah kesakitan yang saya alami.

"Arwah ibu mentua saya pula menyuruh supaya buku lali saya dibalut dengan serai untuk mengencutkan bengkak.


"Pada hari pertandingan, saya berdepan peserta Thailand dan perasaan saya berbelah bahagi. Dengan keadaan kaki yang cedera, pada mulanya saya terfikir saya akan kalah.

"Tetapi apabila saya memasuki gelanggang, saya mengalami perubahan: semangat saya memuncak, saya tidak lagi mengendahkan kesakitan yang saya alami dan saya berazam untuk menang dengan pendirian seorang juara dunia tidak boleh kalah," jelas Sheik Alau'ddin, yang pada ketika itu memegang tiga gelaran juara dunia (satu dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia 1990 dan dua dalam Kejohanan Pencak Silat Undangan Sedunia pada 1990 dan 1992) selain merupakan juara bertahan acara tanding kelas terbuka Sukan SEA 1991.

Menurut beliau, semangat, pendirian dan sikap sedemikian perlu ada dalam pesilat Team Singapura dalam usaha mereka mencapai impian mengesap kemenangan dalam Sukan SEA Jun ini yang bakal kembali berlangsung di tanah air selepas lebih 22 tahun.

"Pada ketika itu, minda saya berubah. Saya memberitahu diri saya bahawa saya mempunyai dua pilihan sama ada untuk menang atau meneng.

"Anda semua mungkin bakal



KENANGAN SILAM: Sheik Alau'ddin dengan buku lali kanan berbalut akibat terpelecek ketika berehat di bilik pasukan dan ketika menggendong rakan sepasukan Hidayat Hosni selepas kedua mereka memenangi pingat emas untuk negara dalam Sukan SEA 1993, kali terakhir temasya serantau itu diadakan di Singapura. - Foto-foto PERSISI

menghadapi situasi ini satu hari nanti sama ada dalam Sukan SEA, Sukan Asia atau pertandingan apa sekalipun apabila anda berdepan lawan yang lebih gagah, besar atau jika anda mengalami kecederaan.

"Dan anda perlu bertanya pada diri apa sebenarnya yang anda mahukan?" tambah Sheik Alau'ddin lagi.

Berbekal semangat dan azam serupa, beliau berjaya melepasi peringkat separuh akhir.

"Dalam final, saya berdepan peserta Indonesia, peserta pilihan. Dalam keadaan saya yang masih cedera, timbul juga kebimbangan bahawa saya akan kalah.

"Tetapi dalam satu acara lebih awal, rakan saya Hidayat Hosni

berjaya memenangi pingat emas. Jadi saya memberitahu diri saya bahawa saya tidak boleh kalah pada Hidayat.

"Sebelum memasuki gelanggang, saya terdapat pula isteri saya yang sedang hamil ketika itu datang memberi sokongan.

"Saya pula jenis orang yang tidak suka ada anggota keluarga atau orang yang saya kenali melihat saya bertarung. Tetapi memandang isteri saya sudah berada di situ, timbul pula perasaan tidak mahu mengecewakan beliau," kata Sheik Alau'ddin, yang menggunakan kedua pendorong tambahan itu untuk menangi acara itu.

Beliau kemudian meneruskan pencapaian cemerlang untuk me-

menangi dua lagi pingat emas Sukan SEA 1995 dan 1999 selain meraih satu lagi gelaran juara dunia pada 1994.

Pada 1999, Sheik Alau'ddin tampil dalam Sukan SEA bukan sahaja sebagai pesilat, malah jurulatih pasukan, tugas yang beliau kekalkan sehingga kini sebagai ketua selain menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Persisi.

Kini nama Sheik Alau'ddin, yang diiktiraf sebagai antara 50 atlet terunggul Singapura, terus mekar sebagai atlet berbakat, pemenang pingat emas, pengarah teknikal, pemenang tiga gelaran Jurulatih Terbaik dan terbaru ayah Juara Dunia Termuda ekan kejayaan anaknya Sheik Fathan mengikuti jejaknya.

Jadikan sokongan penonton penjana semangat

SERAP sokongan penonton dan jadikan ia sebagai penjana semangat untuk mengesap kemenangan.

Demikian nasihat ketua jurulatih pasukan pesilat negara Sheik Alau'ddin Yacob Marican kepada anak didiknya sebagai persiapan menghadapi Sukan SEA Jun ini.

Bekas pesilat yang memenangi pingat emas Sukan SEA Ke-17 pada 1993, kali terakhir ia diadakan di Singapura itu, berkata pesilat negara perlu mengambil kesempatan atas kelebihan bertanding di depan penyokong sendiri untuk memberikan persembahan terbaik.

"Anda perlu menghilangkan rasa gementar bertanding di depan penyokong sendiri. Anda hanya perlu menjadi diri anda sendiri.

"Untuk menghilangkan perasaan sedemikian, anda perlu lihat sekeliling dan menyerap sorakan penyokong setepat untuk memjana semangat dan kekuatan anda.

"Bagi yang suka emak dan bapa anda melihat anda bertarung, ajaklah mereka datang memberi sokongan. Begitu juga rakan-rakan anda," kata Sheik Alau'ddin, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Perkara kedua yang tidak kurang penting, kata beliau, adalah mengubah rasaimbang menjadi berani.

"Anda perlu mengubah satu perasaan bersifat negatif ini menjadi sesuatu yang positif yang dapat membantu anda mencatat kemenangan.

"Untuk membuat demikian, anda perlu menguasai diri anda, mempunyai keyakinan diri. Dalam soal ini, anda perlu mempunyai sikap dahagakan kemenangan," kata beliau lagi.

Untuk membantu pesilat mengatasi lawan, mereka juga perlu fokus dan memahami strategi perlawanan dengan mengikut arahan jurulatih.

"Untuk menang, pesilat perlu menguasai pertandingan dan tahu apa yang perlu dilakukan. Anda juga perlu peka sama ada anda sedang mendahului lawan atau tercicir.

"Ini semua dapat membantu anda memenangi perlawanan selain anda perlu mengelakkan sikap takbur, terlalu yakin dan memastikan anda kekal cergas serta berusaha mengelakkan diri daripada mengalami sebarang kecederaan.

"Ada pesilat negara yang tewas kerana berasa bangga diri beliau merupakan juara dunia dan saya juga nyaris tidak dapat beraksi kerana mengalami kecederaan menjelang hari pertandingan," tambah Sheik Alau'ddin memberi peringatan.